

PANDUAN ISTIADAT KONVOKESYEN TAJ INTERNATIONAL COLLEGE

Assalamualaikum wrt. wbt/ Salam Sejahtera

Para Graduan yang Budiman

ISTIADAT KONVOKESYEN TAJ INTERNATIONAL COLLEGE

Kami ingin merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan saudara/saudari. Istiadat Konvokesyen Taj International College akan diadakan di **Syeun Hotel, Ipoh pada 26 November 2017.**

1.0 RESIT BAYARAN KONVOKESYEN

Resit Rasmi Taj International College akan diserahkan kepada graduan setelah graduan membuat bayaran mengikut kaedah bayaran yang telah ditetapkan.

KAEDAH BAYARAN

Kaedah pembayaran adalah seperti berikut:-

- **TUNAI**
Di kaunter Bahagian kewangan Taj International College.

- **SLIP PEMBAYARAN MELALUI BANK**

Sila buat bayaran di atas nama

CIMB Bank : 800 501 8773 atas nama **'TAJ VISION SDN BHD'**

Satu salinan slip pembayaran hendaklah diserahkan kepada Jabatan Kewangan melalui pos. Sila catatkan nama pelajar, no matrik, no kad pengenalan dan no telefon di sebelah atas salinan slip sebelum pos.

**** (Sila tuliskan Nama, No. Kad Pengenalan dan No. Matrik pada salinan slip bayaran CIMB)**

2.0 SURAT JAWAPAN AKAN HADIR / TIDAK HADIR

Lulusan yang akan hadir / tidak dapat hadir pada Majlis Konvokesyen ini dikehendaki mematuhi arahan-arahan berikut:

2.1 Anda perlu menjawab surat jawapan akan hadir ATAU surat jawapan tidak hadir 3 minggu sebelum majlis konvokesyen untuk tindakan selanjutnya.

2.2 Jika tidak akan hadir hendaklah mengembalikan **SURAT JAWAPAN TIDAK AKAN HADIR** ke Taj International College bersama-sama :

2.2.1 Bayaran terus bernilai **RM 750.00** ke dalam akaun Taj International College:

CIMB Bank : 800 501 8773 atas nama ‘**TAJ VISION SDN BHD**’

2.2.2 Bayaran ini adalah untuk urusan persijilan dan pengurusan. Sila tuliskan Nama, No. Kad Pengenalan dan No. Matrik anda pada salinan slip CIMB dan poskan bersama surat jawapan tidak dapat hadir.

BAYARAN INI TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN ATAS APA JUA ALASAN.

2.3 Surat jawapan hendaklah dikembalikan kepada :

**Urusetia
Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa TAJ,
Kolej Antarabangsa TAJ,
100-102, Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.**

sebelum atau pada **7 November 2017** . Lulusan boleh menghubungi pihak Kolej di talian **05-5286666** sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan.

3.0 RINGKASAN GERAK CARA ISTIADAT

Panduan kepada graduan yang akan mengambil bahagian dalam **Istiadat Konvokesyen Taj International College**.

- 3.1 Para graduan dikehendaki berkumpul dengan berpakaian lengkap pakaian akademik graduan di ruang legar Grand Ballroom, Syeun Hotel, Ipoh, pada waktu yang ditetapkan. Para graduan diingatkan supaya tidak melengahkan masa untuk berkumpul.
- 3.2 Semasa istiadat penganugerahan, graduan diminta berjalan terus dan tunduk sebagai tanda hormat, menerima Diploma dengan kedua belah tangan dan beri ucapan “Terima Kasih”.
- 3.3 Graduan dikehendaki berpakaian seperti yang telah ditetapkan dalam panduan istiadat ini semasa menghadiri Majlis Konvokesyen. Graduan yang tidak mematuhi arahan ini tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.

- 3.4 Graduan dan tetamu/ibubapa tidak dibenarkan mengambil gambar pada masa majlis sedang berlangsung. Jurugambar rasmi akan disediakan oleh pihak Taj International College.
- 3.5 Graduan dan tetamu/ibubapa tidak dibenarkan merokok di dalam dewan konvokesyen.
- 3.6 Para lulusan dilarang sama sekali berbual-bual ketika majlis sedang berlangsung .
- 3.7 Graduan dan tetamu/ibubapa tidak dibenarkan keluar dari dewan konvokesyen setelah upacara bermula.
- 3.8 Para graduan **TIDAK** dibenarkan menggunakan telefon bimbit ketika berada dalam dewan konvokesyen dan set tersebut **di 'OFF'** kan.

4.0 SEWAAN PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN

- 4.1 Tarikh mengambil Jubah konvokesyen adalah mengikut ketetapan berikut :

Tempat : **Syeun Hotel, Ipoh**
Tarikh : 25 November 2017 (Sabtu)
Masa : 3.00 – 6.00 ptg

PERHATIAN

- Sila serahkan salinan resit bayaran konvokesyen daripada Jabatan Kewangan.
- Sila pastikan pakaian konvokesyen yang diterima adalah lengkap iaitu jubah dan mortar board.
- Sila bawa wang deposit sebanyak RM200.00 semasa pengambilan Jubah. Wang akan dikembalikan selepas baju diserahkan kembali kepada pihak Jubah dalam keadaan baik.
- Graduan hanya dibenarkan mengambil pakaian konvokesyen **mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan sahaja.**

5.0 PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK DAN PENGAMBILAN GAMBAR

- 5.1 Jubah akademik graduan, mortar board dan hood **mestilah** dipulangkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan di :

Tempat : **Syeun Hotel, Ipoh**
Tarikh : 26 November 2017 (Ahad)
Masa : 1.00 petang - 3.00 petang

- 5.2 Sekiranya anda tidak dapat memulangkan jubah Akademik dalam tempoh yang ditetapkan, penalti sebanyak RM20/sehari akan dikenakan.
- 5.3 Graduan dikehendaki mengisi maklumat pengesahan IPTS_tracer di alamat <http://graduan.mohe.gov.my/v/> . Sebelum mengambil transkrip dan skrol. Graduan **WAJIB** mengemukakan pengesahan ini sekiranya gagal berbuat demikian graduan **tidak dibenarkan untuk mengambil transkrip dan Skrol.**
- 5.3 Skrol dan Transkrip Akademik boleh diambil setelah selesai majlis konvokesyen atau graduan bolehlah datang ke Kolej Antarabangsa TAJ untuk menuntut sijil anda. Sila

kemukakan **Resit Rasmi Taj Interntional College (bayaran graduasi)** apabila berurusan mendapatkan Skrol dan Transkrip Akademik.

6.0 TUNTUTAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK BAGI GRADUAN YANG TIDAK HADIR

6.1 Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Skrol dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, ianya boleh dituntut dalam tempoh **90 hari** selepas tarikh Istiadat Konvokesyen di Unit Akademik dan Peperiksaan. Pihak Kolej tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Skrol dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan diatas.

Sila kemukakan **Resit Rasmi Taj International College (bayaran graduasi)** apabila berurusan mendapatkan Skrol dan Transkrip Akademik.

- 6.2 Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil Skrol dan Transkrip dengan cara mengemukakan surat perwakilan / kebenaran dan salinan kad pengenalan graduan serta mencatatkan nama dan nombor kad pengenalan orang yang diwakilkan dalam surat perwakilan / kebenaran serta resit bayaran graduan.
- 6.3 Skrol dan Transkrip juga boleh dimohon melalui surat dengan menyertakan salinan kad pengenalan, resit rasmi Taj International College (bayaran graduasi) dan alamat terbaru beserta wang pos sebanyak RM6. Harap maklum bahawa pihak kami tidak bertanggungjawab atas kehilangan / kerosakan skrol dan Transkrip yang dituntut melalui pos.
- 6.4 Para graduan sama ada menghadiri Istiadat Konvokesyen atau tidak, dan belum menjelaskan yuran graduan sepertimana yang ditetapkan atau masih belum menjelaskan apa-apa hutang dengan Kolej, Skrol dan Transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga yuran / hutang tersebut dijelaskan.
- 6.5 Bagi graduan yang tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, Skrol dan Transkrip tidak diposkan kepada mereka kecuali setelah membuat permohonan secara bertulis mengikut peraturan dalam perkara 6.3, dan 6.4 di atas.

7.0 KEHILANGAN IJAZAH DAN DIPLOMA

Polisi Taj International College telah menetapkan bahawa Diploma cuma dikeluarkan **sekali sahaja** kepada graduan dan tiada sebarang penggantian dibuat sekiranya dokumen ini hilang atau rosak. Oleh itu para graduan dinasihatkan menyimpannya dengan baik dan selamat serta membuat salinan yang mencukupi.

Sekiranya Diploma hilang atau rosak, pihak Kolej akan mengeluarkan surat pengesahan sahaja.

8.0 KESILAPAN MAKLUMAT DALAM IJAZAH, DIPLOMA DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Sebaik sahaja menerima skrol dan transkrip akademik, setiap graduan perlu menyemaknya untuk mengenalpasti sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam Skrol atau Transkrip Akademik ianya akan diganti baru dengan syarat kesilapan itu berpunca daripada pihak kolej dan hendaklah dilaporkan secara bertulis dalam tempoh **EMPAT (4) MINGGU** selepas tarikh konvokesyen atau 90 hari bagi mereka yang tidak menghadiri konvokesyen. Selepas tempoh ini, Skrol tidak lagi dikeluarkan.

9.0 RAPTAI

Untuk menentukan supaya Istiadat Konvokesyen berjalan dengan lancar, semua graduan **DIWAJIBKAN** menghadiri raptai pada **25 November 2017 (Sabtu)** di **Syeun Hotel, Ipoh** selepas waktu pendaftaran.

10.0 KAD JEMPUTAN

Setiap graduan akan diberi satu kad jemputan untuk **EMPAT (4)** orang tetamu menghadiri Istiadat Konvokesyen Taj International College kali ke-7. Kad jemputan tetamu akan diberikan pada hari pengambilan jubah. Para tetamu yang **tidak membawa kad jemputan** tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.

11.0 LALUAN MASUK DAN TEMPAT LETAK KERETA GRADUAN

11.1 Laluan Masuk Kenderaan Graduan dan Tetamu Ke Syeun Hotel Ipoh.

Laluan masuk ke dalam **dewan** bagi graduan dan ibubapa adalah melalui pintu masuk utama.

11.2 Tempat Letak Kenderaan Graduan, Ibubapa / tetamu graduan

Semua tempat letak kenderaan graduan, ibubapa/tetamu graduan telah ditetapkan. Sila ikut arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas bagi melancarkan urusan meletak kenderaan tuan/puan.

12.0 PAKAIAN IBUBAPA/ TETAMU

Ibubapa/tetamu diminta berpakaian rasmi seperti berikut:-

A. Pakaian Tetamu Lelaki:

- i. Kebangsaan, atau
- ii. Batik
- . Suit hitam

B. Pakaian Tetamu Wanita:-

- i. Kebangsaan atau
- ii. Pakaian Rasmi atau pakaian sopan

PENTING

- Kanak-kanak **di bawah umur 12 tahun** tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- Para ibubapa/tetamu yang tidak mematuhi peraturan pakaian boleh dihalang dari memasuki dewan istiadat.

13.0 PAKAIAN PARA GRADUAN

A. Pakaian Graduan Lelaki:-

- i. Jubah akademik dan mortar board (disediakan oleh kolej)
- ii. (a) Sepasang Baju Melayu (warna bebas) berbutang lima dan bersamping songket atau
(b) Suit kemeja berlengkn panjang dan bertali leher dengan blazer/kod
- iii. Kasut kulit hitam dan stokin hitam.

B. Pakaian Graduan Perempuan:-

- i. Jubah akademik dan mortar board (disediakan oleh pihak Kolej).
- ii. Baju kurung moden/ kebaya/ jubah/ punjabi 'suit'/ Tradisional.
- iii. Warna pakaian adalah pilihan sendiri Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- iv. Kasut kulit hitam (bertutup).
- v. Graduan wanita (muslim)- Tidak dibenarkan memakai tudung yang mempunyai auning (tudung keras dibahagian kepala), digalakkan untuk memakai tudung jenis bawal. (Sila bawa klip/jarum peniti untuk kekemasan semasa memakai topi jubah).
- v. Sopan.

14.0 PENAMPILAN

14.1 Sahsiah Graduan Lelaki:-

Rambut lelaki hendaklah **pendek dan kemas**, tidak menjejaki kolar baju.

14.2 Sahsiah Graduan Perempuan:-

Pakaian hendaklah sopan..

GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPA DIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PETUGAS KHAS / URUSETIA KONVOKESYEN BERHAK UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI ISTIADAT KONVOKESYEN.

15.0 PENGAMBILAN GAMBAR ISTIADAT KONVOKESYEN

Para graduan tidak dibenarkan mengambil gambar atau mendapatkan bantuan orang lain untuk berbuat demikian semasa istiadat berlangsung di dalam dewan. Semua gambar semasa Istiadat Konvokesyen akan dikendalikan oleh syarikat fotografi yang dilantik oleh pihak Taj International College. Para graduan akan dibekalkan kupon nombor selepas menerima skrol sewaktu Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung sebagai rujukan semasa pembelian gambar.

Bagi graduan yang berminat untuk membeli gambar, ianya boleh dituntut di lokasi yang ditetapkan dibawah dengan membawa **kupon nombor** tersebut.

NOTA: Tarikh dan lokasi sama seperti tarikh pemulangan pakaian akademik. Sila rujuk perkara **3.1**.

16.0 PERTANYAAN/ MAKLUMAT LANJUT

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Jawatankuasa Graduasi melalui:

Telefon : 05-5286666 (sambungkan kepada bahagian Akademik)

Faks : 05-5292686

PENTING: SILA RUJUK CARTA ALIR YANG DILAMPIRKAN UNTUK KEMUDAHAN PARA GRADUAN.

Sekian. Sekali lagi ucapan tahniah dan selamat menerima Diploma saudara/saudari.

Daripada,

JAWATANKUASA GRADUASI TAJ INTERNATIONAL COLLEGE

PROSES PENGAMBILAN JUBAH GRADUAN

KAUNTER

- Buat bayaran yuran konvokesyen
- Pastikan bayaran disahkan dengan mengambil resit pembayaran



KAUNTER AKADEMIK

- Graduan perlu mendaftar dan menyemak maklumat yang disediakan di kaunter akademik.
- Mengambil **borang ALUMNI** di kaunter akademik dan **DIWAJIBKAN** untuk melengkapkan borang tersebut.
- Graduan **DIWAJIBKAN** untuk menyerahkan semula **borang ALUMNI** berserta TRACER STUDY (**KAJIAN PENGESANAN GRADUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**) kepada pihak akademik untuk tindakan selanjutnya.
- Graduan akan diserahkan (**SATU**) **1 kad nama graduan beserta program**.
 - I. Kad nama **WAJIB** disimpan oleh graduan.
 - II. Kad nama perlu diserahkan kepada MC/ Pengacara Majlis semasa sesi Konvokesyen (**26 November 2017**) sebelum graduan naik ke atas pentas. (**Sebarang kehilangan kad nama pelajar adalah tanggungjawanan pelajar sendiri**).



KAUNTER PENGAMBILAN JUBAH

- Graduan **DIWAJIBKAN** membawa wang deposit sebanyak **RM200.00** sebelum mengambil Jubah. (*Wang deposit tersebut akan dipulangkan selepas selesai sesi konvokesyen dan pemulangan Jubah, pastikan jubah dipulangkan dalam keadaan sempurna. Sekiranya didapati Jubah yang dipulang rosak wang deposit RM200.00 tidak akan dikembalikan kepada graduan*).
- Serahkan salinan resit pembayaran konvokesyen kepada urusetia sebelum pengambilan jubah.

PERHATIAN : SILA AMBIL PERHATIAN, GRADUAN YANG TIDAK MENJELASKAN YURAN KONVOKESYEN DI KAUNTER KEWANGAN, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** MENGAMBIL JUBAH.

CARTA ALIR PERARAKAN MASUK GRADUAN KE DEWAN KONVOKESYEN

RUANG LEGAR DEWAN

- Berkumpul di ruang yang ditetapkan
- Beratur mengikut program pengajian.



DEWAN

- Tunggu arahan masuk daripada Jawatankuasa Perarakan Majlis.
- Pastikan graduan duduk di kerusi yang telah ditetapkan dengan tertib dan teratur.



PENGAMBILAN SKROL

- Keluar dewan mengikut program pengajian dengan senyap dan tunggu arahan daripada petugas.
- Duduk di kerusi semula selepas mengambil skrol dan tunggu sehingga majlis tamat.



KELUAR DEWAN

- Keluar dewan dengan tertib selepas tamat majlis.

PERHATIAN:

GRADUAN **TIDAK DIBENARKAN** MEMBAWA MASUK BARANG-BARANG BERHARGA KE DALAM DEWAN. SEKIRANYA BERLAKU KEHILANGAN, JAWATANKUASA PROTOKOL TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB.